

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN YEO BEE YIN [ BAKRI ]**

**TARIKH : 12 OKTOBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

Puan Yeo Bee Yin [ Bakri ] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan apakah status perkembangan pembentangan Akta Perubahan Iklim, Akta Pengendalian Bahan Kimia (Chemical Gonvernance Act) dan Akta Kualiti Alam Sekeliling yang baru (atau pindaan bagi akta sedia ada) seperti yang dirancang semasa pentadbiran Pakatan Harapan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) masih meneruskan hasrat untuk memantapkan dan mengukuhkan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974) secara menyeluruh. Dalam hubungan ini, fasa pertama akan memberi fokus kepada elemen kompaun, penalti dan standard bagi memastikan tindakan tegas dapat diambil ke atas pelaku dan pesalah yang menyebabkan pencemaran alam sekitar.
2. Pembangunan Akta Perubahan Iklim akan dilaksanakan secara berfasa (*step-wise approach*). Pada masa ini, KASA sedang dalam fasa awal untuk membangunkan kerangka undang-undang perubahan iklim negara.
3. Berkenaan pengurusan tadbir urus kimia di Malaysia terdapat lebih daripada akta dan peraturan yang berkaitan pengurusan bahan kimia yang merentas pelbagai agensi dan sektor. Oleh itu, KASA dalam proses untuk menjalankan kajian lanjut termasuk mewujudkan satu Akta khusus berkenaan pengurusan bahan kimia sekiranya diperlukan. Sekian, terima kasih.